

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
KAWASAN : CAMERON HIGHLANDS

SOALAN NO. 376

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini berkenaan dengan kajian bagi laluan pintas sebagai laluan alternatif di daerah Cameron Highlands bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang telah berlaku sekian lama dan dilihat semakin kritikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang melaksanakan **Kajian Kesesakan Lalulintas Cameron Highlands, Pahang** yang dijangka siap pada September 2021 bagi mendapatkan penyelesaian untuk mengatasi kesesakan di Cameron Highland. Penilaian akan dilaksanakan untuk menentukan sama ada jajaran jalan baharu dan/atau menaik taraf jalan sedia ada diperlukan. Ini mengambil kira *return of investment* dengan izin, kepada pelaksanaan cadangan projek termasuk isu berkaitan impak alam sekitar dan juga impak sosial yang seterusnya mendatangkan manfaat kepada kerajaan dan juga rakyat.

Merujuk kepada Belanjawan 2021, Kerajaan telah meluluskan Projek Jalan Pintasan Cameron Highlands, Pahang dengan penekanan langkah pemuliharaan alam sekitar. Maka, hasil penemuan kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian akan dijadikan panduan untuk kerja-kerja awalan projek tersebut.

Sekian, terima kasih.